

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.05.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos yang dibiayai oleh Khazanah Nasional dan Kerajaan Malaysia untuk penerbitan filem TV, "*Marco Polo*" di Iskandar Malaysia Studios (IMS). Apakah fi yang dikutip oleh IMS daripada penerbit filem.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang dibiayai oleh

Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) untuk penerbitan siri Marco Polo di Iskandar Malaysia Studios (IMS) adalah kira-kira RM52.4 juta.

IMS dan syarikat-syarikat pelaburan Khazanah lain yang terlibat dalam penerbitan siri ini menerima sejumlah RM42.2 juta dalam bentuk fi. Jumlah ini tidak termasuk pendapatan yang bakal dikutip melalui siri TV tersebut.